

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 19 JULAI 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Corporate Whirl	New Straits Times
2	Kemeriahana Hari Matahari Antarabangsa 2014	Utusan Malaysia
3	Pasukan siasatan khas Malaysia berlepas ke Kiev malam ini	Bernama.com

KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS TIMES) : MUKA SURAT B12  
TARIKH: 19 JULAI 2014 (SABTU)

CORPORATE WHIRL



**HEALTHY START:** (From left) Felda Wellness Corp (FWC) CEO **Mohd Nasir Shafion**, Sarawak Deputy Chief Minister **Tan Sri Dr Alfred Jabu Numpang**, Deputy Health Minister **Datuk Seri Hilmi Yahaya**, Science, Technology and Innovation Ministry's National Biotechnology Division Under-Secretary **Prof Datuk Mohd Jamil Maah**, BiotechCorp CEO **Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal**, Communication Adviser to the Prime Minister **Datuk Seri Farid Ridzuan** and Felda deputy director-general of strategic resources **Muhammad Sufi Mahbub** at the soft launch of FWC Formulae in San Diego, the United States, recently.

**KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (KAMPUS LIFE) : MUKA SURAT 23  
TARIKH : 19 JULAI 2014 (SABTU)**



PESERTA diberikan penerangan mengenai tompok matahari secara visual.



PARA pelajar berpeluang mencerap matahari menggunakan kelengkapan yang disediakan.

## Kemeriahian Hari Matahari Antarabangsa 2014

**B**UAT julung kalinya, Agensi Angkasa Negara (Angkasa) menerusi Observatori Negara Langkawi mengajurkan sambutan Hari Matahari Antarabangsa 2014 di Oriental Village, Langkawi, Kedah baru-baru ini.

Acara yang dihadiri kira-kira 5,000 pengunjung termasuk pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Langkawi itu diadakan sempena projek kerjasama peringkat antarabangsa oleh Charlie Bates Solar Astronomy. Antara lain, tujuannya adalah untuk meningkatkan kefahaman orang awam terutama pelajar sekolah tentang kepentingan dan keunikan matahari kepada manusia.

Bagi pihak Angkasa, pengajuran program itu merupakan sebuah platform dalam membudayakan sains dan teknologi angkasa kepada masyarakat.

Angkasa berharap pengajuran Hari Matahari Antarabangsa itu dapat mempromosikan bidang berkaitan di samping menarik minat para pelajar terhadap bidang berkenaan.

Pelbagai aktiviti disediakan sepanjang

sambutan itu, antaranya pencerapan matahari, membina jam matahari, membina pelangi spektrum matahari, pertandingan mewarna dan teka bilangan tompok matahari.

Angkasa turut membawa Mini Planetarium bagi memberi peluang kepada orang ramai merasai pengalaman menonton tayangan planetarium di layar berbentuk kubah secara percuma.

Selain itu, bengkel turut diadakan bagi memberi penerangan dan berkongsi pengalaman cara pengajaran serta pembelajaran subjek astronomi melalui kaedah santai tetapi efektif.

Sambutan itu turut mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak LADA-Eco Sdn. Bhd. dan Staedtler Marketing Sdn. Bhd. Mengikut maklumat yang dikumpul, sebanyak 145 buah organisasi astronomi dari seluruh dunia menyertai sambutan yang dijalankan serentak pada hari yang sama.

Hadir merasmikan majlis tersebut ialah Ketua Pengarah Angkasa, Dr. Noordin Ahmad dan Penolong Pengurus Operasi LADA-Eco Sdn. Bhd., Mohd. Karim Mohamad Isa.



PELBAGAI aktiviti sampingan seperti pertandingan mewarna diadakan bagi memeriahkan sambutan Hari Matahari Antarabangsa 2014 di Langkawi baru-baru ini.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 19 JULAI 2014 (SABTU)**



## **Pasukan Siasatan Khas Malaysia Berlepas Ke Kiev Malam Ini**

SEPANG, 18 Julai (Bernama) -- Satu pasukan siasatan khas dengan 116 anggota akan berlepas ke Kiev, Ukraine Jumaat malam bagi menjalankan siasatan menyeluruh mengenai nahas pesawat Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH17 yang terhempas pada Khamis.

Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Datuk Ibrahim Abdul Rahman berkata pasukan itu disertai Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia serta satu pasukan perubatan.

Pegawai dan anggota pelbagai jabatan kerajaan termasuk tentera, Jabatan Pertahanan Awam, Forensik Polis, **Jabatan Kimia**, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Penerbangan Awam dan media rasmi turut menyertai pasukan itu yang akan berlepas ke ibu negara Ukraine itu dengan pesawat khas pada 8 malam ini, katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada Jumaat.

Awal pagi tadi, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berikrar untuk menyiasat secara terperinci punca yang menyebabkan pesawat MH17 terhempas di Ukraine.

Pihak berkuasa Ukraine percaya pesawat komersil itu telah ditembak jatuh.

Hari ini, MAS mengesahkan bahawa MH17 membawa 283 penumpang pelbagai warganegara dan 15 anak kapal Malaysia.

Pesawat Boeing 777-200 itu dalam perjalanan dari Amsterdam pada 12.15 tengah hari Khamis (waktu Amsterdam) dan dijadual tiba di Kuala Lumpur pada 6.10 pagi Jumaat (waktu Malaysia).

Sementara itu, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menghantar 21 anggota Forensik untuk membuat siasatan mengenai nahas pesawat itu.

"PDRM akan memberi bantuan sepenuhnya dalam membantu siasatan bagi insiden itu dan bercadang menambahkan lagi jumlah itu pada peringkat berikutnya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program PDRM-Shell Malaysia 'Go to Safety Point' (GTSP) di sini, hari ini.

Mengenai keselamatan di pantai timur Sabah, Khalid berkata pihak PDRM akan menambah jumlah keanggota pasukannya di kawasan itu.

Lebih 150 orang lagi akan ditambah daripada 330 orang yang dimaklumkan tempoh hari, serta 70 lagi anggota pasukan khas bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah, katanya.

Mengenai program GTSP, beliau berkata ia merupakan hasil kerjasama agensi dan syarikat bagi meningkatkan tahap keselamatan masyarakat setempat.

Dengan pelancaran itu, Shell kini menawarkan tempat perlindungan sementara kepada mangsa jenayah di lebih 900 stesen minyak di seluruh negara serta sebagai saluran maklumat kepada pihak polis, katanya.